

23/06/1998

Ismail Kassim calon BN Parlimen Arau

KANGAR, Isnin - Pegawai kanan Padiberas Nasional Berhad (Bernas), Ismail Kassim, (gambar) dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya kecil Parlimen Arau, Julai ini.

Ismail, 38, yang juga Naib Ketua Pemuda Umno Perlis dan Ketua Pemuda Umno Arau ialah adik kepada Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Shahidan, ketika mengumumkan nama calon BN itu di kediaman rasminya di sini petang ini berkata, pemilihan itu dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

Ditanya kemungkinan pemilihan Ismail itu digunakan pembangkang sebagai amalan nepotisme dan kronisme, Shahidan berkata pemilihan calon BN adalah keputusan Perdana Menteri dan beliau selaku Ketua Umno Bahagian Arau tidak terbabit dalam perkara itu.

Pilihan raya kecil Parlimen Arau diadakan berikutan kematian Ahli Parlimennya, Kamaruddin Ahmad, pada 25 Mei lalu kerana serangan angin ahmar.

(END)